

10 APRIL 2018

## Dua ditahan seludup ketum

### Dua ditahan seludup ketum

KOTA BHARU - Dua lelaki tempatan ditahan selepas dipercayai menyeludup 220kg daun ketum yang dimuatkan dalam sebuah kereta di Jeli.

Suspek berusia 20 hingga 30-an ditahan dalam operasi oleh Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) Kelantan, 4 April lalu.

Komander Aksem Kelantan, Rusli Karim berkata, ketum bernilai RM6,600 itu dipercayai untuk tujuan dipasarkan di sekitar daerah itu.

"Serbuan turut menjumpai wang tunai berjumlah RM3,006 dipercayai hasil penjualan daun ketum di sekitar Jeli.

"Turut dirampas sebuah kereta Proton Saga Aeroback bernilai RM4,000 yang digunakan untuk membawa muatan daun ketum terbabit," katanya.

Dalam serbuan berasingan, Rusli berkata, lima peti rokok berjenama Dunhill dan 43 karton rokok putih jenama Concept yang dianggarkan berjumlah RM44,650 dirampas di sebuah rumah di Kampung Bukit Payong, Kelewek Tanah Merah pada 5 April lalu.

"Sebelum itu, dua lelaki tempatan memandu sebuah lori jenis Isuzu diberkas di Setiu, Terengganu pada 3 April lalu selepas dipercayai membawa sebanyak 36 kotak pelbagai jenis mercun dan bungan api bernilai RM50,580 dipercayai di seludup dari Thailand," katanya.

Dalam perkembangan lain, dua buah lori ditahan di stesen Jabatan Pengangkutan Jalan Mentara, Gua Musang selepas membawa kira-kira 1,200 kotak ayam beku bernilai RM100,800 dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran negeri ini.



Ketum yang diseludup dengan menggunakan sebuah kereta.